



16/2024

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## KENYATAAN MEDIA

### **YB DATUK EWON BENEDICK MENYAMPAIKAN KENYATAAN MENTERI DI PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI KOPERASI ASIA PASIFIK KE-11**

---

**JORDAN, 30 April 2024** - YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah menyampaikan Kenyataan Menteri mewakili Malaysia di Persidangan Menteri-Menteri Koperasi Asia Pasifik ke-11 di Jordan pada 29 April 2024 yang bertemakan *Adapting to Changing Environment and Building Resiliency*.

Beliau telah berkongsi mengenai prestasi gerakan koperasi, kerangka institusi dan dasar koperasi, pencapaian dan kejayaan gerakan koperasi Malaysia dan juga langkah ke hadapan dalam mendepani cabaran iaitu gerakan koperasi boleh berperanan menyumbang kepada penyelesaian kepada salah satu isu global iaitu sekuriti makanan. Dalam hal ini, Malaysia percaya sekiranya kerjasama perdagangan antara koperasi dengan koperasi (C-2-C) merentasi negara dapat diperkukuhkan, sektor koperasi boleh memainkan peranan penting dalam meningkatkan bukan sahaja keselamatan makanan untuk negara masing-masing tetapi juga untuk rantau Asia Pasifik.

Dalam kenyataan beliau, YB Datuk Ewon Benedick turut menyatakan kepentingan dasar dan polisi kerajaan yang mesra koperasi untuk menyokong pertumbuhan sektor ini melalui pelaksanaan dasar dan pelan strategik seperti Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030), Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 dan juga Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKop) 2030.

Menurut beliau lagi, dua agensi di bawah KUSKOP turut berganding bahu dalam memastikan peranan koperasi terus diperkasa iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), agensi yang bertanggungjawab dalam aspek regulasi dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) pula dalam pembangunan modal insan. Usaha memartabatkan gerakan ini juga mendapat kerjasama penuh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai badan apeks gerakan koperasi yang bertanggungjawab merangsang serta membangunkan perniagaan berimpak tinggi serta menjadi wakil kepada koperasi pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Sesi ketiga pembentangan Menteri ini turut melibatkan kenyataan Menteri dari Iran, Palestin, Maghribi, Syria, Kuwait dan Libya. Persidangan Menteri-Menteri Koperasi Asia Pasifik ke-11 berlangsung dari 28 hingga 30 April 2024 di Laut Mati, Jordan melibatkan 19 buah negara iaitu termasuklah Malaysia, Jordan, Fiji, Filipina, India, Jepun, Nepal, Palestin, Papua New Guinea, Arab Saudi, Thailand, UAE, Iraq, Kuwait, Lubnan, Syria, Mesir, Libya dan Maghribi.

Selain itu, persidangan ini juga mampu untuk menarik potensi pelaburan melalui pengukuhan hubungan kerjasama antara gerakan koperasi Malaysia dengan koperasi-koperasi luar negara yang turut serta di dalam persidangan ini. Secara tidak langsung, hubungan kerjasama ini dapat dilihat membantu negara dalam usaha mengukuh dan meningkatkan ekonomi negara pasca COVID-19 melalui sumbangan koperasi negara.

Hadir sama Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan Bin Jalal (B); Setiausaha Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil KUSKOP yang juga Anggota Lembaga Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Azizul Alias; Ketua Pegawai Eksekutif SKM, Rusli Jaafar; Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Datuk Mohd Ali Mansor dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ANGKASA, Dato' Haji Abdullah Haji Jusoh.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**30 APRIL 2024**